

09 FEB 2000

Gusmao-Pengaman

M'SIA BOLEH MAIN PERANAN LEBIH BESAR DI TIMOR TIMUR, KATA GUSMAO

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Malaysia boleh memainkan peranan lebih besar dalam operasi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Timor Timur, kata pemimpin kemerdekaan Timor Timur Xanana Gusmao.

"Mungkin kepimpinan pasukan pengaman boleh digilirkan di kalangan negara Asia...dari Filipina, kemudian Malaysia dan selepas itu Thailand," kata Gusmao.

Malaysia perlu memainkan peranan lebih besar daripada segi ketenteraan jika mengetuai operasi pengaman, kata Gusmao pada persidangan media di sini pada akhir lawatan tiga harinya ke Malaysia.

Gusmao, yang juga presiden Majlis Kebangsaan bagi Penentangan Timur disertai oleh naib presiden majlis Jose-Ramos Horta pada persidangan media itu.

Kira-kira 20 pemerhati tentera dari Malaysia kini berkhidmat di bawah Pihak Berkuasa Peralihan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Timor Timur (UNTAET) yang diketuai oleh seorang Jeneral dari Filipina.

"Malaysia perlu meningkatkan kehadiran tenteranya, sumbangannya kepada operasi pengaman seiring dengan peranan kepimpinan," kata beliau.

"Kami berharap begitulah kerana Malaysia mempunyai tentera profesional yang cekap dan kami menaruh kepercayaan kepada mereka mahu melihat Malaysia meningkatkan kehadirannya di Timor Timur," kata Gusmao.

Beliau berkata pembabitian Malaysia tidak harus hanya dalam operasi pengaman tetapi juga dalam pentadbiran awam memandangkan Malaysia mempunyai sistem pentadbiran awam antara yang terbaik di negara membangun.

Horta berkata permintaan ini telah disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam rundingan dengan kedua-dua mereka sebelumnya.

Horta berkata, "keadaan keselamatan telah pulih dan keadaan keselamatan keseluruhan bergantung kepada hubungan dengan Jakarta."

Beliau berkata, selain menjaga keselamatan, sebanyak 9,000 orang pengaman badan dunia itu di Timor Timur juga harus terbabit dalam tugas-tugas awam membabitkan jurutera tentera dan doktor dalam usaha-usaha membangunkan semula.

Horta juga memuji usaha-usaha Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah membangunkan Malaysia menjadi sebuah negara yang aman dan stabil ekonominya.

"Sesiapa pun yang mempunyai wawasan untuk membangunkan negaranya dan meningkatkannya ke tahap seperti mana Malaysia yang menjadi model dan perasaan iri banyak negara membangun, sudah pasti harus diberi pujian," katanya kepada pemberita ketika ditanya pendapatnya mengenai Dr Mahathir.

"Apa yang telah dicapai di Malaysia, dalam setiap maksud, keamanan, kestabilan harmoni, ekonomi dan kemajuan sosial, adalah sangat luar biasa," kata beliau.

Beliau menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin yang sama hebatnya dengan "dua individu luar biasa lain di dunia" iaitu pemimpin Cuba Fidel Castro dan bekas presiden Afrika Selatan Nelson Mandela.

"Ketiga-tiga lelaki ini, mereka boleh menyatakan tentang pendapat mereka dan menyinggung banyak orang, dan mereka yang berasa tersinggung tidak dapat berbuat apa-apa mengenainya," kata beliau.

Pada masa yang sama, individu lain yang turut lantang seperti ketiga-tiga pemimpin itu lazimnya mengalami masalah dengan kuasa-kuasa besar dunia.

"Dan apa yang saya suka ialah walaupun Perdana Menteri (Datuk Seri) Mahathir dan Fidel (Castro) mempunyai apek ideologi yang berbeza, kedua-duanya sering lantang bersuara dalam memberi sokongan kepada agenda dunia ketiga," katanya.

"Mereka mempunyai keberanian untuk melakukannya dan mereka dikagumi kerana itu," katanya.

-- BERNAMA